

MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	24 Dec 2012	Readership	1,981,000
Circulation	324,097	Color	Full Color
Section	Variasi	ArticleSize	308 cm <sup>2</sup>
Page No	V17	PR Value	RM 34,126
AdValue	RM 11,375		



# SMKDA rangkul 3 anugerah

Finas anjur program filem di UUM gabung 200 pelajar dari 15 sekolah terpilih zon utara

>>Oleh D J Dolasoh

rencana@hmetro.com.my

**P**ROGRAM Kem Pencinta Filem Zon Utara (KPFZU) di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, baru-baru ini ini menyaksikan pelajar SMK Dato' Ahmad (SMKDA) Lenggong, Perak, merangkul semua tiga anugerah.

Noraisyah Khairuddin, 18, pelajar Tingkatan Enam Rendah SMKDA itu dinobatkan pengarah terbaik, peserta terbaik dan kumpulan sketsa terbaik KPFZU bagi pelajar pra universiti peringkat zon utara.

Program tiga hari anjuran Perbadanan Filem Negara Malaysia (Finas) itu menggabungkan kira-kira 200 pelajar daripada 15 sekolah terpilih di zon utara.

Ia meliputi Perak, Kedah,

Pulau Pinang dan Perlis bagi mencungkil bakat pelajar terutama pra universiti dalam bidang perfileman.

Noraisyah dianugerahkan pengarah terbaik apabila mengarahan filem arahan P Ramlee, Seniman Bujang Lapok selama 15 minit membabitkan 18 pelakon gabungan pelajar daripada beberapa sekolah.

Dia juga dinobatkan peserta terbaik berdasarkan semangat dan kecergasannya sepanjang kem selain bakat ditonjolkan pada setiap watak lakonannya menyakinkan Finas dan juri.

Sementara itu, lakonannya bersama Kumpulan Santau yang melalui drama pendek yang disertainya turut diumumkan kumpulan sketsa terbaik dan

menerima hadiah daripada Finas serta sijil penghargaan.

Noraisyah berkata, dia tidak menduga dua anugerah itu menjadi miliknya sementara satu lagi melalui kumpulan drama pendek yang disertainya turut dikategorikan yang terbaik pada kem itu.

"Minat mendalam dalam bidang perfileman dan drama menyebabkan saya menghayati sepenuhnya setiap lakonan atau watak.

"Saya melakukan yang terbaik sama ada semasa mengarahan untuk filem atau berlakon.

"Saya juga berharap pihak itu terus membimbing bakat muda daripada kalangan pelajar dan saya juga ingin menyemarakkan lagi per-

kembangan perfileman di negara ini," katanya.

Sebelum ini, Noraisyah pernah dinobatkan johan Pengkisahan Kenegaraan 1Malaysia (PK1M) peringkat Negeri Perak 2012 anjuran Jabatan Penerangan Malaysia di Sekolah Menengah Sains Teluk Intan, Perak.

Sementara itu, Pengetua SMKDA, Sawibutan Islamiah Kamaruddin berkata, pihaknya menggalakkan pelajar sekolah itu bergiat aktif dalam bidang kurikulum di sekolah termasuk di bidang lakonan.

"Noraisyah antara pelajar mendapat bimbingan melalui Kelab Pencinta Filem sekolah yang diketuai guru penasihatnya Azura Abdul Aziz," katanya.

